



Terbit pada Sabtu
minggu pertama setiap bulan

Berita Sawit

MPOB Menjana Perubahan Industri Sawit

BH
Berita Harian

Minyak sawit berpotensi di Pakistan

» Menteri mahu kerjasama perdagangan komoditi dua negara dipertingkatkan

Oleh Mohd Fairus Mohd Hidzir
fairus@mpob.gov.my

Karachi

Pengeluar minyak sawit kedua terbesar di dunia, Malaysia, mampu memenuhi kehendak industri minyak dan lemak Pakistan yang sedang pesat membangun.

Menteri Industri Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, berkata minyak sawit Malaysia adalah pilihan terbaik bagi memenuhi cita rasa dan kehendak pasaran Pakistan yang semakin meningkat.

“Minyak sawit sesuai digunakan dalam pembuatan makanan dan bukan makanan. Oleh itu, minyak sawit Malaysia adalah pilihan terbaik buat Pakistan,” kata beliau semasa merasmikan Palm Oil Trade Fair and Seminar 2014 (POTS) di sini baru-baru ini.

Seminar itu telah dianjurkan bersama oleh Lembaga Sawit Malaysia (MPOB) dan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC).

Pasaran utama sawit

Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata penganjuran POTS Karachi 2014 adalah tepat pada masanya dan ia mencerminkan kepentingan Pakistan sebagai pasaran utama bagi produk sawit Malaysia.

Pakistan merupakan antara pengimport utama produk sawit Malaysia di rantau Asia Barat. Bagi tempoh Januari hingga November 2013, jumlah importnya melebihi 1.4 juta tan. Ia juga merupakan negara pengimport keempat terbesar minyak sawit Malaysia selepas China, India dan Kesatuan Eropah.”

“Tema POTS Karachi 2014 Meeting Pakistan’s Emerging Oils and Fats Diversity Through Malaysia Palm Oil turut mencerminkan manfaat dan kelebihan minyak sawit Malaysia untuk memenuhi kepelbagaian penggunaan dan keperluan pasaran di Pakistan,” tambah beliau.

MPOB dengan kerjasama



Datuk Amar Douglas Uggah Embas semasa menyampaikan ucapan perasmian POTS Karachi 2014. Turut kelihatan (duduk dari kiri) Pengerusi MPOC, Dato’ Lee Yeow Chor dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

MPOC telah menganjurkan POTS Karachi 2014 pada 16 hingga 17 Januari 2014. Seminar ini merupakan POTS kali ketiga di Pakistan selepas POTS 2007 and POTS 2011.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas memberitahu para peserta POTS Karachi 2014 bahawa Pakistan adalah pasaran penting bagi minyak sawit Malaysia dan beliau menggesa supaya dipertingkatkan lagi kerjasama perdagangan komoditi ini antara kedua negara.

Layanan istimewa

Beliau juga berkata Malaysia dan Pakistan juga telah menandatangani Perjanjian Perdagangan Bebas (Free Trade Agreement - FTA) sejak tahun 2008, yang mana kedua-dua negara memberi layanan istimewa terhadap barangan import masing-masing.

Beliau yakin hubungan perdagangan antara dua negara ini

akan dapat dipertingkatkan pada masa akan datang memandangkan hubungan baik yang terjalin sejak sekian lama.

Semasa seminar, sebanyak 12 kertas kerja berkaitan pasaran, penggunaan, nutrisi sawit, struktur cukai minyak sawit mentah (MSM) dan kemudahan perbankan bagi urus niaga minyak sawit telah dibentangkan oleh penceramah-penceramah dari Malaysia, Pakistan, United Kingdom dan Jerman.

Bentang kertas kerja

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May membentang kertas kerja berkaitan penyelidikan dan pembangunan (R&D) minyak sawit oleh MPOB, yang meliputi penggunaannya dalam sektor pembuatan makanan dan bukan makanan, nutrisi minyak sawit dan aktiviti-aktiviti MPOB Karachi bagi membangun dan mengukuhkan pasaran minyak sa-

“

Minyak sawit sesuai digunakan dalam pembuatan makanan dan bukan makanan. Oleh itu, minyak sawit Malaysia adalah pilihan terbaik buat Pakistan’

Datuk Amar Douglas Uggah Embas
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

wit di Pakistan.

Seramai 270 orang peserta menyertai seminar itu dan 14 buah syarikat menyertai pameran di samping pameran anjuran bersama MPOB dan MPOC.

Syarikat pembuat vanaspati tempatan, Dalda Foods dan Felda Global Ventures dari Malaysia adalah penaja utama POTS Karachi 2014. Seminar ini turut disokong oleh Pakistan Vanaspati Manufacturer Association (PVMA), Pakistan Edible Oil Refiners Association (PEORA) dan Pakistan Soap Manufacturers Association (PSMA).

Turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk M. Nagarajan, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Pakistan, Dr Hasrul Sani Mujtabar, Pengerusi MPOC, Dato’ Lee Yeow Chor dan Ketua Pegawai Eksekutif MPOC, Tan Sri Dr Yusof Basiron.

Industri sawit Malaysia mencatatkan prestasi stabil pada tahun 2013. Pengeluaran minyak sawit, eksport, import dan stok menunjukkan prestasi lebih baik berbanding 2012 di mana pengeluaran minyak sawit mentah dan eksport produk sawit meningkat manakala import dan stok mencatatkan pengurangan. Harga produk sawit bagaimanapun adalah lebih rendah.

Pengeluaran minyak sawit mentah meningkat sebanyak 2.3 peratus kepada 19.21 juta tan berbanding 18.79 juta tan pada tahun 2012. Peningkatan ini disebabkan peningkatan pengeluaran hasil buah tandan segar sebanyak 0.7 peratus berbanding tahun sebelumnya. Faktor lain turut menyumbang kepada peningkatan hasil pengeluaran adalah pertambahan keluasan yang mula mengeluarkan hasil buah sawit. Pengeluaran minyak sawit pada tahun 2013 adalah pengeluaran tertinggi dalam sejarah. Eksport minyak sawit mentah pula meningkat sebanyak 3.1 peratus kepada 18.12 juta tan kesan penstrukturan duti eksport minyak sawit mentah yang bermula pada Januari 2013. Bekalan minyak sawit yang tinggi pada awal tahun memberi kesan ke atas import di mana jumlah import minyak sawit menurun sebanyak 60.1 peratus kepada 0.56 juta tan berbanding 1.39 juta tan tahun sebelumnya. Kesan dari eksport yang tinggi dan import yang lebih rendah, stok minyak sawit menurun sebanyak 24.4 peratus ke paras selesa pada akhir 2013, iaitu 1.99 juta tan.

Dari segi keluasan kawasan tanaman sawit, tahun 2013 mencapai 5.23 juta hektar, meningkat 3 peratus berbanding 5.08 juta hektar pada tahun 2012. Sarawak mencatat kenaikan terbesar sebanyak 7.9 peratus atau 84,660 hektar. Sabah masih negeri yang mempunyai kawasan tanaman sawit terbesar, diikuti Sarawak, masing-masing pada 1.48 juta hektar (28.2 peratus) dan 1.16 juta hektar (22.2 peratus) daripada keseluruhan kawasan tanaman di Malaysia. Semenanjung Malaysia pula mempunyai 2.59 juta hektar atau 49.6 peratus daripada keseluruhan tanaman negara.

Purata hasil buah tandan segar direkodkan pada 19.02 tan sehektar, meningkat sebanyak 0.7 peratus berbanding 18.89 tan sehektar pada tahun 2012. Hasil buah tandan segar adalah lebih tinggi bagi tempoh Januari sehingga Mei 2013 berbanding tempoh sama tahun 2012. Keadaan ini berikutan kesan hasil pengeluaran buah sawit yang pulih, bermula pada setengah tahun kedua 2012. Prestasi kadar perahan minyak (OER) pula mencapai 20.25 peratus, menurun sebanyak 0.5 peratus berbanding 20.35 peratus pada tahun 2012, berikutan kesan kadar penerimaan hujan yang tinggi serta cuaca yang panas dan kering yang berlaku pada setengah tahun pertama 2013. Pertambahan pengeluaran buah sawit dari pokok muda yang mula mengeluarkan hasil juga memberi kesan terhadap OER.

Jumlah eksport produk minyak sawit yang terdiri daripada minyak sawit, minyak isirung sawit, dedak isirung sawit, oleokimia, biodiesel dan produk sawit meningkat sebanyak 4.4 peratus atau 1.07 juta tan kepada 25.66 juta tan pada tahun 2013 berbanding 24.59 juta tan pada tahun 2012. Jumlah pendapatan eksport, bagaimanapun menurun sebanyak 14.2 peratus atau RM10.16 bilion kepada RM61.29 bilion berbanding RM71.45 bilion pada tahun 2012. Keadaan ini disebabkan oleh harga eksport bagi semua produk sawit yang lebih rendah.

Eksport minyak sawit juga meningkat sebanyak 3.1 peratus kepada 18.12 juta tan pada tahun 2013 berbanding 17.58 juta tan pada tahun sebelumnya. Antara sebab utama ialah eksport produk sawit yang meningkat berikutan permintaan kukuh dari pasaran eksport utama Malaysia iaitu China, Bangladesh, Kesatuan Eropah dan Pakistan. China terus mengekalkan kedudukannya sebagai pasaran eksport minyak sawit terbesar sejak tahun 2002 dengan jumlah eksport sebanyak 3.70 juta tan (20.4 peratus) daripada jumlah keseluruhan eksport minyak sawit pada tahun 2013. Ini diikuti oleh Kesatuan Eropah (EU) 2.34 juta tan (12.9 peratus), India 2.33 juta tan (12.9 peratus), Pakistan 1.43 juta tan (7.9 peratus), Amerika Syarikat 1.01 juta tan (5.6 peratus), Iran 0.64 juta tan (3.5 peratus) dan Jepun 0.50 juta tan (2.8 peratus).

Pada tahun 2013, semua harga produk sawit menunjukkan kemerosotan berbanding tahun 2012. Harga purata minyak sawit mentah adalah RM2,371 satu tan, kurang sebanyak RM393 atau 14.1 peratus berbanding RM2,764 satu tan pada tahun sebelumnya. Bagaimanapun, harga purata bulanan menunjukkan trend yang kukuh iaitu dari RM 2,221 satu tan pada bulan Januari kepada RM2,574 satu tan pada bulan Disember 2013. Program tanam semula dan biodiesel yang dilaksanakan kerajaan juga menyumbang kepada pengukuhan harga minyak sawit. Berpandukan OER nasional sebanyak 20 peratus, harga purata buah tandan segar pula, pada tahun 2013 adalah RM485 satu tan berbanding RM615 satu tan pada tahun sebelumnya.

Harga purata isirung sawit pada tahun 2013, menurun sebanyak RM151 atau 9.9 peratus kepada RM1,371.50 satu tan daripada RM1,522.50 satu tan pada tahun 2012. Harga minyak isirung sawit mentah menurun sebanyak RM590 atau 18.2 peratus kepada RM2,659.50 satu tan, turun dari RM3,245.50 satu tan pada tahun sebelumnya. Ini sejajar harga minyak laurik yang lemah di pasaran dunia pada tahun 2013.

Kesimpulannya, walaupun eksport minyak sawit meningkat pada tahun 2013, nilai eksport minyak sawit menurun. Bagaimanapun, pelbagai program telah dan sedang dilaksanakan secara berterusan kerajaan termasuk program tanam semula pokok sawit tua, penggunaan biodiesel di seluruh negara pada tahun 2014 dan pelbagai program digariskan di bawah NKEA Sawit sejak tahun 2010, untuk memperkukuhkan harga dan memajukan industri sawit negara. Kerjasama erat dan berterusan antara Kerajaan, MPOB dan industri sawit sendiri, amat penting demi mengekalkan industri sawit sebagai peneraju ekonomi negara. - choo@mpob.gov.my



MINDA
Datuk Dr Choo
Yuen May

Ketua Pengarah
MPOB



Datuk Amar Douglas Uggah Embas (kiri) semasa majlis perasmian POTS 2014 di Tehran, Iran.

POTS pertama di Iran

» Iran rakan dagang minyak sawit penting Malaysia

Oleh M Fairus Mohd Hidzir
fairus@mpob.gov.my

► Tehran

Buat julung kalinya, Malaysian-Iran Palm Oil Trade and Seminar (POTS) telah diadakan di sini pada 20 Januari 2014, anjuran bersama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) dengan kerjasama Iranian Vegetable Oil Industry Association (IVOIA).

Perasmian POTS Iran 2014 telah disempurnakan oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Malaysia, YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas semasa ucapan perasmian berkata Iran merupakan pasaran penting bagi minyak sawit Malaysia dan berpotensi untuk terus berkembang.

Beliau menggesa supaya kerjasama perdagangan antara kedua negara melibatkan minyak sawit dan produk berkaitannya dipertingkatkan.

"Pada Januari hingga November 2013, jumlah import minyak sawit Iran melebihi 670,000 tan, iaitu meningkat hampir 29 peratus berbanding dengan tempoh yang sama tahun 2012.

"Peningkatan itu membuktikan Iran telah menjadi rakan dagang minyak sawit penting bagi Malaysia walaupun negara ini berdepan dengan pelbagai sekatan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Amerika Syarikat," katanya.

Penuhi permintaan

"Tema POTS Iran 2014 iaitu *Meeting Iranian*

Emerging Oils and Fats Diversity Through Malaysian Palm Oil menggambarkan kelebihan minyak sawit Malaysia untuk memenuhi permintaan dan keperluan pasaran di Iran."

Minyak sawit Malaysia digunakan dalam sektor pembuatan makanan dan bukan makanan. Minyak sawit menjadi pilihan terbaik dan memenuhi kehendak pasaran yang meningkat di Iran.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata penganjuran POTS Iran 2014 ini adalah strategi yang tepat pada masanya untuk mengembang dan mengukuhkan pasaran dan dagangan minyak sawit di negara ini.

Tujuh kertas kerja berkaitan pasaran penggunaan minyak sawit dan produk berasaskan komoditi itu serta nutrisi minyak sawit telah dibentangkan oleh penceramah dari Malaysia, Iran, United Kingdom dan Jerman.

Timbalan Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din membentangkan Kertas kerja berkaitan penyelidikan dan pembangunan (R&D) minyak sawit oleh MPOB.

Seramai 250 orang peserta menghadiri seminar dan 18 buah syarikat tempatan dan Malaysia termasuk MPOB dan MPOC menyertai pameran.

Syarikat pengeksport produk sawit Malaysia iaitu ASFA Holding Sdn Bhd adalah penaja perak (silver sponsor) untuk POTS Iran 2014 manakala syarikat Hovid Berhad dan Muhibah Palm Products Sdn Bhd merupakan rakan (partner) POTS Iran 2014.

Turut hadir Presiden IVOIA, Mr Mohammad Ghebleh, Pengerusi MPOC, Dato' Lee Yeow Chor, Duta Malaysia ke Iran, Mohamad Sadik Kethergany, Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) M. Nagarajan, Timbalan Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din dan Ketua Pegawai Eksekutif MPOC, Tan Sri Dr Yusof Basiron.

Ucapan penutup POTS Iran 2014 telah disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din.

MPOB tingkatkan kesedaran manfaat minyak sawit di Pakistan, Iran

Oleh Mohd Fairus Mohd Hidzir
fairus@mpob.gov.my

Karachi: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah memperhebatkan langkah meningkatkan kesedaran terhadap kegunaan minyak sawit di Pakistan dan Iran.

Dengan kerjasama pengusaha dan pengilang minyak sawit di kedua negara itu,

● Lihat muka 4

MPIC giatkan usaha capai KPI

» Pastikan hala tuju, beberapa key focus areas yang akan dilaksanakan

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

Putrajaya

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) akan terus mempergiat pelaksanaan program dan aktiviti sedia ada untuk memastikan pencapaian sasaran Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicators) (KPI) yang ditetapkan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (Ministerial Key Result Area) (MKRA) dan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) pada tahun 2014.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, berkata demikian semasa berucap sempena Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Bilangan 1/2014 di sini, baru baru ini.



Datuk Amar Douglas Uggah Embas bersama timbalannya, Dato' Noriah Kasnon (kiri) dan Ketua Setiausaha MPIC, Datuk Seri Nurmalia Abdul Rahim (tiga dari kiri) semasa Perhimpunan Bulanan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC).

Katanya, beliau sendiri bersama pegawai kanan Kementerian dan Ketua Pengarah Agensi akan memastikan hala tuju dan beberapa key focus areas yang akan dilaksanakan, iaitu;

- Penyediaan dokumen Rancangan Malaysia Kesebelas (2014-2020) yang mana tumpuan akan diberikan kepada aspek rantaian nilai, produktiviti, pelaburan, penyelidikan dan pembangunan, inovasi, modal insan dan penyertaan Bumiputera.

- Mempergiatkan usaha penyelidikan dan pembangunan ke arah peningkatan produktiviti sektor komoditi dengan sasaran:

- i) Meningkatkan kadar perahan minyak (oil extraction rate)

- (OER) ke paras 23 peratus.

- ii) Meningkatkan kadar hasil tandan buah segar (fresh fruit bunches) (FFB) ke paras 26 tan sehektar setahun.

- iii) Meningkatkan pengeluaran lada ke paras 6 tan sehektar setahun.

- iv) Meningkatkan pengeluaran hasil getah ke paras 2 tan sehektar setahun.

- v) Meningkatkan pengeluaran koko ke paras 1.5 tan sehektar setahun.

- Mengkaji semula Dasar Komoditi Negara (DKN) dengan penekanan kepada 5 Teras Strategik iaitu;

- i) Melestarikan industri perladangan dan komoditi.

- ii) Meningkatkan imej sektor komoditi negara.

- iii) Mengukuh dan mengembangkan pasaran domestik dan antarabangsa.

- iv) Memperkasa dan meningkatkan daya saing pengusaha komoditi; dan

- v) Memperkukuh kerangka institusi dan sistem penyampaian perkhidmatan.

- Meneruskan pelaksanaan projek EPP di bawah NKEA Sawit dan Getah agar sasaran Pendapatan Negara Kasar (GNI) sebanyak RM178 bilion bagi sawit dan RM52.9 bilion bagi getah menjelang tahun 2020 dapat dicapai.

- Merangka dan memperkaskan pelan tindakan pelaksana-

naan Dasar Perindustrian Perkaayaan Malaysia 2009-2020 (NATIP) bagi memajukan industri kayu kayaan negara dan mencapai sasaran eksport RM53 bilion menjelang tahun 2020.

- Melaksanakan Program B5, iaitu adunan bio bahan api sawit (5 peratus) dengan diesel petroleum (95 peratus) di seluruh negara mulai Julai 2014 dengan sasaran penggunaan minyak sawit sebanyak 500,000 tan setahun di samping mengkaji kemungkinan menaikkan kadar adunan melebihi tahap 5 peratus.

Harga kembali kukuh

Douglas berkata, beliau optimis sektor komoditi negara akan terus mencapai kejayaan tahun 2014. Sudah ada tanda harga beberapa komoditi seperti sawit kembali kukuh menjelang suku keempat tahun 2013 dan momentum ini diharapkan akan berterusan pada tahun 2014.

"Harga komoditi lain seperti getah, koko dan lada juga diramalkan akan meningkat pada tahun 2014," katanya.

Turut hadir pada majlis berkenaan adalah, Timbalannya, Dato' Noriah Kasnon; Ketua Setiausaha MPIC, Datuk Seri Nurmalia Abdul Rahim; Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan Ketua-ketua Pengarah agensi.

Kerajaan laksana langkah kembangkan industri sawit

Oleh Ahmad Fadzil Ghazali
afadzilg@mpob.gov.my

Kuala Lumpur: Industri sawit, satu sektor utama dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara dan juga tunjang ekonomi luar bandar, akan sentiasa dipupuk oleh kerajaan agar ianya terus berkembang.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Douglas Uggah Embas, berkata kerajaan akan sentiasa memperkenalkan langkah sewajarnya untuk menyokong sektor hulu dan hiliran industri sawit negara.

Kerajaan melaksanakan strategi termasuk menyemak semula struktur cukai eksport minyak sawit dan menyediakan inisiatif bagi sektor biodiesel bagi memanfaatkan lagi industri sawit negara dan mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif di sektor berkenaan.

"Untuk menjaga tahap pers-

angan produk minyak sawit yang diproses, kerajaan melaksanakan struktur baru cukai eksport minyak sawit mentah (MSM) berkuatkuasa 1 Januari 2013, agar industri minyak sawit Malaysia, terutama mereka di sektor hiliran, dapat bersaing secara adil," katanya di dalam ucapan pelancaran *Palm Oil Economic Review and Outlook Seminar 2014* yang berlangsung di sini, baru-baru ini.

Teks ucapan beliau disampaikan Timbalannya, Dato' Noriah Kasnon. Turut hadir, Pengerusi MPOB, Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad; Ketua Setiausaha, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datuk Seri Nurmalia Abd Rahim dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

"Dengan pelaksanaan struktur baru cukai eksport MSM ini, eksport minyak sawit negara memamerkan peningkatan, terutamanya minyak sawit diproses," tambah beliau.

Eksport negara bagi minyak sawit yang diproses meningkat 9.4 peratus kepada 14.1 juta tan pada tahun 2013 berbanding dengan 12.9 juta tan pada tahun 2012.

Sebagai strategi mengawal pengeluaran MSM dan harga minyak sawit lebih stabil, kerajaan akan terus dengan pelaksanaan program B5 untuk menggalakkan penggunaan diesel berasaskan sawit di negara ini.

Program B5

Program B5 kini dilaksanakan di wilayah tengah dan selatan Semenanjung Malaysia dan ia akan dikembangkan sepenuhnya ke seluruh negara tahun ini.

Menteri juga turut mengemukakan bahawa Kerajaan akan menguatkuasakan satu skim persijilan berasaskan piawaian Malaysia untuk menjenamakan minyak sawit Malaysia sebagai mampan dan sihat.

"Saya optimis dengan pelaksanaan skim persijilan dan inisiatif penjenamaan bagi minyak



Dato' Noriah berucap semasa perasmian *Palm Oil Economic Review and Outlook Seminar*, baru-baru ini.

sawit Malaysia, kita bukan hanya boleh membezakan sumber minyak sawit di pasaran global, tetapi turut menarik premium untuk minyak sawit kita," katanya.

Usaha ini juga akan membolehkan kita menangani beberapa isu berkaitan kemampanan yang telah dibincangkan dalam pasaran import utama," tambah beliau.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas juga memperingatkan peserta seminar bahawa kempen menentang minyak sawit oleh badan bukan kerajaan Barat mungkin menjejaskan potensi permintaan bagi komoditi itu daripada pasaran tradisi dan baru.

Bagaimanapun, beliau berkata, sektor itu patut mengambil perkara ini sebagai satu cabaran untuk mengandakkan usaha un-

tuk menyangkal dakwaan mereka yang terbabit.

"Ingatlah bahawa di sebalik tanggapan dan propaganda berterusan itu, minyak sawit kekal sebagai minyak sayuran yang paling banyak digunakan dalam industri makanan di seluruh dunia," tambah beliau.

Sementara itu, Pengerusi MPOB, Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, berkata seminar berkenaan berjaya menyediakan platform untuk wakil-wakil industri berbincang dan berkongsi pengetahuan mengenai isu sektor sawit.

Beliau juga berkata, MPOB melalui perkhidmatannya, memainkan peranan penting dalam meningkatkan industri sawit negara.

Sebar maklumat minyak sawit secara meluas

Dari muka 2

MPOB telah menterjemahkan buku maklumat berkaitan minyak sawit dan kegunaannya (Pocketbook on Palm Oil Uses) ke dalam bahasa Urdu dan Parsi.

Buku berkenaan dilancarkan oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas semasa perasmian *Palm Oil Trade Fair and Seminar (POTS)* di Karachi, Pakistan dan Tehran, Iran baru ini.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas semasa berucap merasmikan POTS Pakistan dan Iran 2014 berkata maklumat tepat berkaitan minyak sawit Malaysia perlu disebar secara meluas supaya pengguna dapat memahami kelebihan dan faedah penggunaan minyak sawit.

"Usaha menterjemah dan menerbitkan buku kegunaan minyak sawit berbahasa Urdu dan Parsi adalah langkah yang tepat pada masanya memandangkan Pakistan dan Iran adalah dua negara pasaran utama minyak sawit Malaysia."

Penterjemahan MPOB Pocketbook on Palm Oil Uses ke dalam bahasa Urdu dilakukan oleh MPOB Karachi dengan kerjasama Pakistan Standards and Quality Control Authority (PSQCA), Pakistan Vnaspati Manufacturers Association (PVMA) dan Pakistan Edible Oil Refiners Association (PEORA). Manakala penterjemahan kepada bahasa Parsi pula adalah dengan kerjasama Iranian Vegetable Oil Industry Association (IVOIA).

Penyebaran maklumat dalam kedua-dua bahasa ini dijangka berupaya meningkatkan kefahaman dan menarik pengguna di Pakistan dan Iran menggunakan minyak sawit Malaysia.

Penggunaan bahasa Parsi yang mendominasi hampir keseluruhan urusan harian di Iran dan penyebaran maklumat dalam bahasa Parsi ini akan membolehkan maklumat berkaitan minyak sawit Malaysia dapat disampaikan dengan lebih berkesan kepada komuniti yang menggunakan bahasa Parsi terutamanya di Iran.

MPOB tawar kepakaran tisu kultur kepada FELCRA

» Penanaman dengan baka klon sawit langkah tingkat produktiviti

Oleh Dr Ahmad Tarmizi Hashim
mizi@mpob.gov.my

Bangi

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Felcra Berhad telah menandatangani Perjanjian Persefahaman (MOU) Pemindahan Teknologi Kultur Tisu bagi penubuhan makmal kultur tisu untuk pengeluaran baka klon sawit.

Pada majlis itu, MPOB diwakili oleh Ketua Pengarah, Datuk Dr Choo Yuen May, manakala Felcra diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Haji Ramlee Abu Bakar. Majlis telah disaksikan oleh Pengerusi MPOB, Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, serta Pengerusi Felcra Berhad, Datuk Bung Moktar Radin.

Semasa menyampaikan ucapan aluan, Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar, berkata penanaman dengan baka klon sawit adalah pendekatan strategik untuk meningkatkan produktiviti sawit melalui peningkatan hasil buah tandan segar (BTS).

Katanya, pembiakan sawit secara konvensional dari biji benih merupakan asas kepada



Datuk Dr Choo Yuen May dan, Datuk Bung Moktar bertukar dokumen perjanjian persefahaman antara MPOB dan FELCRA mengenai pemindahan teknologi kultur tisu sawit. Turut kelihatan Pengerusi MPOB, Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad (tengah).

proses genetik jangka panjang. Kepelbagaian genetik yang besar boleh dieksploitasi dalam kacukan terpilih.

"Kultur tisu membolehkan pengeluaran klon sawit berskala besar melalui baka sawit terpilih yang berhasil tinggi dengan menggunakan teknologi trek pantas yang dibangunkan oleh MPOB. Pada masa ini terdapat 13 makmal komersial di seluruh negara yang menghasilkan klon sawit. Enam daripadanya adalah secara usaha sama dengan MPOB."

Tingkat klon sawit

"Kita mahu meningkatkan pengeluaran klon sawit bagi kegunaan ladang dan pekebun kecil sawit. Pada masa kini, pengeluaran sebanyak lima juta ramet bagi menghasilkan klon sawit setiap tahun adalah masih tidak mencukupi," katanya.

Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar menegaskan perjanjian dengan Felcra Berhad merupakan komitmen MPOB dalam membantu pihak industri untuk menubuh makmal kultur tisu dan meningkatkan pengeluaran klon sawit.

"Di bawah kerjasama yang dimeterai, MPOB akan menyediakan kepakaran bagi latihan menghasilkan kultur tisu sawit dan perkhidmatan rundingan kepada felcra Berhad bagi penubuhan makmal kultur tisu sawit."

Beliau juga menyaran supaya industri turut memainkan peranan bagi mengembangkan kemudahan kultur tisu sedia ada untuk meningkatkan pengeluaran klon sawit dan sekali gus berupaya merealisasikan sasaran bagi menghasilkan 26.2 tan BTS sehektar setahun pada ta-

hun 2020.

Tegasnya, penglibatan pihak industri termasuk Felcra Berhad memanfaatkan penggunaan teknologi baru yang dibangunkan oleh MPOB adalah tepat pada masanya.

Menghasilkan klon sawit berkualiti akan meningkatkan produktiviti dan menyumbang kepada pencapaian sasaran sebagai negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, tambah beliau.

"Melalui MoU dengan pihak FELCRA Berhad ini membuktikan bahawa bahan tanaman klon semakin mendapat perhatian dari pihak industri. Pengalaman dan kepakaran di dalam bidang ini akan terus disalurkan untuk meningkatkan lagi pengeluaran bahan tanaman bermutu tinggi seterusnya meningkatkan lagi pengeluaran minyak sawit negara," katanya

Prestasi industri sawit dijangka meningkat 2014

Oleh Ahmad Fadzil Ghazali
afadzilg@mpob.gov.my

Kuala Lumpur: Industri sawit Malaysia dijangka mempamerkan prestasi yang lebih baik tahun ini berbanding tahun sebelumnya berikutan pemulihan dalam permintaan dan penggunaan komoditi itu.

Ketua Pengarah Lembaga Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Dr Choo Yuen May, berkata eksport minyak sawit tahun ini dijangka

meningkat kepada 18.5 juta tan berbanding dengan 18.12 juta tan pada tahun 2013.

"Harga minyak sawit mentah (MSM) yang lebih stabil pada tahun 2014 akan membantu meningkatkan permintaan daripada pasaran utama seperti China dan India," kata beliau semasa membentangkan kertas kerja di Palm Oil Economic Review and Outlook Seminar 2014 yang berlangsung di sini, baru-baru ini.

Seminar tahunan itu dianjurkan MPOB dan membabitkan penyertaan wakil-wakil daripada

industri sawit tempatan serta pegawai kanan kerajaan.

Tingkat daya saing

Datuk Dr Choo berkata, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) serta MPOB akan sentiasa mengawasi perkembangan industri dan akan mengambil tindakan sewajarnya dalam usaha meningkatkan daya saing sektor berkenaan.

Antara langkah yang diambil untuk memperhebatkan lagi industri sawit adalah menggalakkan aktiviti penanaman semula;

melaksanakan program biodiesel; memantapkan pasaran sedia ada sambil meneroka pasaran baru; dan menggalakkan pengeluaran produk baru berasaskan minyak sawit.

Dari segi pengeluaran, industri sawit Malaysia dijangka mengeluarkan 19.5 juta tan MSM tahun ini berbanding 19.21 juta tan MSM pada tahun 2013.

Peningkatan ini berikutan pemulihan di dalam penghasilan buah tandan segar (FFB) disertai dengan peningkatan dalam kawasan matang ladang sawit. Namun begitu, ini tertakluk kepada keadaan cuaca semasa.

Kawasan matang sawit dijangka meningkat kepada 4.71 juta hektar sementara kawasan tidak matang kepada 0.74 juta hektar untuk tahun 2014. Pada tahun 2013, kawasan matang sawit adalah 4.53 juta hektar dan tidak

matang pada 0.7 juta hektar.

Datuk Dr Choo juga berkata, selepas mengambil kira potensi tahap pengeluaran yang baik serta permintaan eksport yang menggalakkan, stok minyak sawit dijangka berada di antara 1.6 juta tan dan 1.8 juta tan pada penghujung tahun ini.

Harga lebih baik

Dari segi harga, MSM dijangka mempamerkan harga yang baik untuk tahun 2014 berikutan peningkatan permintaan daripada negara pengimpor utama. Unjuran ini disokong oleh faktor diskaun harga yang dinikmati oleh MSM berbanding dengan minyak soya dan sesawi.

Namun begitu, kadar diskaun ini dijangka akan berkurangan pada tahun ini. Pada tahun 2013, harga purata MSM adalah RM2,371 setiap tan.

MPOB-EMPA bincang isu sawit Sabah

»Peluang tukar maklumat, kongsi idea mengenai penemuan penyelidikan

Oleh Dr Mohd Hefni Rusli
mohd.hefni@mpob.gov.my

Bangi

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Persatuan Penanam Malaysia Timur (EMPA) mengadakan forum membincangkan isu berkaitan industri sawit terutama membatik industri sawit di Sabah, di sini, baru ini.

Forum dianjurkan MPOB itu disertai 33 peserta terdiri daripada ahli-ahli EMPA Sabah yang diketuai Timbalan Pengerusi EMPA, Anthony John Wong dan pegawai MPOB. Ia dipengerusikan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.



Datuk Dr Choo Yuen May **mempengerusikan forum** membincangkan isu industri sawit Sabah dengan delegasi EMPA.

Datuk Dr Choo Yuen May berkata, forum MPOB-EMPA 2014 adalah platform yang terbaik bagi membincangkan isu yang dihadapi industri sawit yang berkaitan secara langsung dengan EMPA selain membincangkan senario semasa industri sawit tempatan dan global.

Katanya, ia juga adalah medan untuk mencari jalan penyelesaian dan bertukar pandangan mengenai masalah yang dihadapi industri sawit terutama di Sabah dan Sarawak.

“Ia juga memberi peluang kepada MPOB dan EMPA untuk bertukar maklumat dan berkongsi

idea mengenai penemuan baru penyelidikan atau perkembangan terbaru dalam industri sawit,” katanya.

Lapan isu dibincang

Semasa perbincangan, sebanyak lapan isu dibincangkan iaitu kejatuhan harga minyak sawit mentah (MSM) dan buah tandan segar (BTS); kadar diskaun harga MSM kilang penapis kepada kilang sawit; kemudahan penyimpanan untuk MSM di Sabah dan pelaksanaan penggunaan biodiesel di Sabah.

Selain itu, isu penguatkuasaan had pelepasan ke dalam sungai sebanyak 20ppm Biological

Oxygen Demand (BOD) oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) ke atas kilang sawit, penyakit Ganoderma, penggunaan mekanisasi di ladang sawit dan pelaksanaan penggredan buah tandan segar turut dibincangkan.

MPOB menjelaskan, walaupun terdapat kilang di Sabah merekodkan kadar penggunaan melebihi 80 peratus kapasiti penyimpanan minyak sawit mentah, keadaan ini didapati tidak kritikal kerana terdapat kilang lain di kawasan itu yang menggunakan kapasitinya di bawah 50 peratus.

Namun begitu, MPOB akan

melakukan kajian lanjut terhadap kawasan penanaman baru di Sabah.

Anthony John Wong, mencajkan kemudahan penyimpanan tambahan baru dibuat di kawasan seperti Kunak, Marudu, Kudat, Kimanis, Beaufort dan Keningau di Sabah.

EMPA juga dimaklumkan program Biodiesel B5 akan dilaksanakan di Sabah pada penghujung tahun 2014. MPOB menjelaskan akan terus berbincang dengan pihak berkuasa tempatan di Sabah berkaitan pelaksanaan peraturan 20ppm BOD oleh JAS ke atas kilang sawit.

MPOB juga akan menganjurkan bengkel penyakit Ganoderma di Sabah tahun ini untuk berkongsi dan memperkenalkan teknologi terkini hasil penemuan penyelidikan MPOB bagi menangani penyakit Ganoderma.

MPOB juga akan membuat kajian kemungkinan mewujudkan model ladang sawit di Stesen Penyelidikan Lahad Datu yang menggunakan mekanisasi sepenuhnya bagi meningkatkan penggunaan mekanisasi di ladang sawit.

31 delegasi Tuai Rumah Sibuti, Miri lawat MPOB

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

Bangi: Seramai 31 delegasi mewakili Persatuan Tuai Rumah Sibuti, Miri, Sarawak melakukan kunjungan ke Ibu Pejabat MPOB bagi mendapatkan maklumat mengenai perkembangan terkini industri dan peranan MPOB dalam memajukan industri minyak sawit negara baru ini.

Delegasi diketuai Ahli Parlimen Sibuti, Haji Ahmad Lai Ujang disambut oleh Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan), Ahmad Sidek Stroo, mewakili Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May yang menghadiri tugas lain di Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) di Putrajaya.

Ahmad Sidek sewaktu menyampaikan ucapan alu-aluannya berkata, pihak MPOB amat berbesar hati dan merakamkan ucapan terima kasih kepada delegasi yang melakukan kunjungan ke pejabat MPOB.

Katanya, sektor perladangan sawit berkembang pesat dengan keluasan tanaman mencecah 5.08 juta hektar dan antara tugas sektor pertanian negara.

“Perancangan strategik Kerajaan dan pembabitkan semua pihak memajukan industri sawit menyumbang kepada pema-



Ahli Parlimen Kawasan Sibuti, YB Ahmad Lai Ujang (tengah) dan delegasi **mendengar taklimat perkembangan terkini** industri sawit negara daripada Ketua Unit Protein dan Teknologi Makanan MPOB, Dr Miskandar Mat Sahri (kanan) semasa melawat MPOB. Turut kelihatan Ahmad Sidek Stroo (kiri)

ngunan ekonomi, menjana pendapatan eksport negara dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat.

Peranan R&D

“Perkembangan pesat keluasan kawasan tanaman dan kemajuan industri sawit negara termasuk di Sarawak turut disumbangkan oleh peranan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta perkhidmatan yang dilaksanakan MPOB,” katanya.

Beliau berkata, usaha memajukan industri sawit juga membatik pembangunan sektor pekebun kecil yang turut berperanan menyumbang kepada pe-

ngeluaran minyak sawit negara.

“Selain khidmat nasihat berkaitan penanaman sawit kepada pekebun kecil oleh Pegawai TUNAS, MPOB juga berperanan menyalurkan bantuan kepada pekebun ini melalui Skim Tanam Baru dan Skim Tanam Semula dengan bantuan sebanyak RM9,000 sehektar kepada mereka yang layak.

“R&D yang dijalankan MPOB menghasilkan teknologi dan produk baru yang diguna pakai industri dan ditawarkan untuk pengkomersialan kepada usahawan tempatan dan pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS),” katanya.



Setiausaha Kehormat PKKIM, Hamka Mohd Salleh (dua dari kiri) menyampaikan **bantuan kepada kakitangan MPOB** yang terbatik banjir di Kuantan.

MPOB bantu kakitangan terlibat bencana banjir

Mohd Asyraf Hussin
asyrafhussin@mpob.gov.my

MPOB menghulurkan bantuan berjumlah RM1,000 kepada sebelas keluarga kakitangan MPOB Kuantan yang terbatik dengan banjir baru-baru ini. Bantuan berupa Sijil Simpanan Premium BSN sebanyak RM100 dan bara-

ngan keperluan bernilai RM900.

Disamping itu, Persatuan Kebajikan Kakitangan Islam MPOB (PKKIM) juga turut menyampaikan bantuan wang tunai berjumlah RM150 kepada setiap keluarga terbatik. Sejumlah RM5,000 juga diagih-agihkan kepada keluarga berkenaan hasil kutipan derma daripada kakitangan MPOB.

Koperasi sebagai institusi tingkat pendapatan pekebun kecil

» MPIC melalui MPOB ambil inisiatif tubuh koperasi penanam sawit mampan pekebun kecil

Oleh Nazirah Che Jaafar
nazirah@mopob.gov.my

Koperasi ditakrifkan sebagai suatu pertubuhan orang berautonomi, bersatu secara sukarela untuk memenuhi aspirasi ekonomi, sosial dan budaya yang sama melalui suatu perusahaan milik bersama dan dikawal secara demokrasi serta berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993.

Koperasi telah wujud sejak tahun 1920an dan tujuan utama penubuhan koperasi pada peringkat awalnya adalah untuk menangani masalah hutang di kalangan petani, pekerja pejabat dan kilang.

Kini, aktiviti koperasi telah berkembang meliputi sektor perbankan, perladangan, pertanian, pengangkutan, pembinaan dan lain-lain. Walau bagaimanapun tujuan asal koperasi masih tidak berubah iaitu untuk menyatukan sumber-sumber seperti modal, buah fikiran dan tenaga di kalangan ahli bagi meningkatkan taraf serta kualiti hidup ahli dan masyarakat keseluruhan.

Sehingga Disember 2011, jumlah koperasi berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) adalah sebanyak 9,074. Koperasi bagi fungsi pengguna merupakan bilangan tertinggi (47 peratus), diikuti fungsi pertanian (18 peratus) dan fungsi perkhidmatan (17 peratus).

Koperasi Pekebun Kecil Daerah Batu Pahat Berhad (KOPDAP) merupakan koperasi pekebun kecil terbaik yang menduduki kedudukan ke-13 dalam Indeks 100 Koperasi Terbaik Malaysia 2011.

Berdasarkan kejayaan beberapa koperasi pertanian di Malaysia, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) melalui MPOB telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan koperasi penanam sawit mampan pekebun kecil persendirian.

Koperasi penanam sawit mampan (kpsm)

Penubuhan Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) merupakan program di bawah program Sustainable Palm Oil Cluster (SPOC) di bawah MPOB. Objektif SPOC adalah untuk memastikan pekebun kecil sawit mengeluarkan hasil sawit secara mampan dan dapat memenuhi keperluan masa kini dan masa depan.

Penubuhan KPSM adalah sebagai wadah untuk mencapai matlamat SPOC. Ahli KPSM terbuka kepada pekebun kecil sawit persendirian yang memiliki kebun sawit kurang daripada 40.46 hektar.

Objektif utama penubuhan KPSM adalah untuk menyatukan pekebun kecil supaya berupaya menjalankan aktiviti untuk kebaikan bersama seperti meningkatkan pengeluaran dan kualiti buah tandan segar (BTS), pembelian input secara berkelompok untuk mengurangkan kos, dan penjualan BTS berkelompok bagi mendapatkan harga yang tinggi dan meningkatkan pendapatan ahli-ahli.

KPSM yang pertama ditubuhkan adalah

di Tongod, Sabah pada 13 Oktober 2010. Sehingga 31 Disember 2013, sebanyak 30 buah KPSM telah ditubuhkan di seluruh Malaysia seperti di Jadual 1 di bawah;

yang kedudukannya tidak setempat (berselerak).

● Pekebun kecil akan dimaklumkan tarikh dan masa pengambilan BTS di kebun

INFO

LKPSM YANG TELAH DITUBUHKAN SEHINGGA 31 Disember 2013

Bil	Negeri	Senarai KPSM	Tarikh Di Tubuhkan
1	SABAH	i. KPSM Daerah Tongod	13 Oktober 2010
		ii. KPSM Daerah Kunak	13 Disember 2010
		iii. KPSM Daerah Kinabatangan	16 Februari 2011
		iv. KPSM Daerah Tawau	8 Mac 2011
		v. KPSM Daerah Beluran	11 Mac 2011
		vi. KPSM Daerah Keningau	3 Mei 2012
		vii. KPSM Daerah Kecil Tungku Lahad Datu Berhad	12 November 2013
2	SARAWAK	i. KPSM Daerah Seratok	1 Disember 2010
		ii. KPSM Daerah Belaga	18 Januari 2011
		iii. KPSM Daerah Serian	8 Disember 2011
		iv. KPSM Daerah Selangau	5 Mei 2012
		v. KPSM Bakong Marudi	12 Julai 2012
		vi. KPSM Daerah Asajaya Samarahan Berhad	2 Oktober 2013
		vii. KPSM Sarikei Berhad	9 September 2013
		viii. KPSM Daerah Limbang	25 Jun 2013
		ix. KPSM Daerah Kecil Long Lama Marudi Berhad	19 September 2013
		x. KPSM Daerah Lawas Berhad	22 November 2013
3	PAHANG	i. KPSM Daerah Temerloh	5 Julai 2011
		ii. KPSM Daerah Bera	11 Oktober 2011
		iii. KPSM Daerah Maran	29 Mei 2012
4	JOHOR	i. KPSM Daerah Kulajaya	16 April 2011
		ii. KPSM Daerah Kluang Utara	6 Januari 2011
		iii. KPSM Daerah Yong Peng Utara Berhad	4 Oktober 2012
5	PERAK	i. KPSM Daerah Selama	24 November 2011
		ii. KPSM Daerah Telok Intan	22 Mac 2012
		iii. KPSM Daerah Padang Selatan Berhad	23 Mei 2013
6	MELAKA	i. KPSM Daerah Jasin	20 Disember 2010
7	SELANGOR	i. KPSM Kuala Selangor Selatan	10 Mei 2011
		ii. KPSM Tanjung Dua Belas 1&2 Kuala Langat	18 Julai 2012
8	TERENGGANU	i. KPSM Daerah Dungun	20 Disember 2010

Kaedah pemasaran BTS oleh KPSM

Untuk mendapatkan harga jualan BTS yang terbaik, KPSM bertindak mengumpulkan ahli-ahli koperasi yang bersetuju untuk menjual BTS secara berkelompok. Dengan bilangan ahli yang ramai, koperasi akan berupaya membuat rundingan terus dengan pihak kilang dan pada masa yang sama mempunyai kuasa berunding (bargaining power).

Di samping berupaya mendapatkan tarwaran harga yang terbaik, KPSM juga akan diberikan insentif sekiranya KPSM dapat menghantar sejumlah kuantiti BTS yang dipersetujui. Kilang juga diberi jaminan bekalan kualiti BTS yang tinggi kerana KPSM akan memantau kualiti bagi setiap penghantaran melalui kerjasama ahli-ahli.

Kini, KPSM menggunakan dua kaedah untuk mengumpulkan buah daripada ahli-ahli iaitu sistem jaring dan bin. Penggunaan sistem ini adalah bagi memantau kualiti BTS setiap ahli (traceability).

a. Sistem Jaring (net)
● Sistem ini sesuai bagi kebun-kebun

mereka, justeru mereka perlu merancang untuk menuai pada hari tersebut atau hari sebelumnya.

● Setiap tandan yang dikeluarkan oleh pekebun kecil akan ditimbang di kebun mereka. Koperasi akan merekodkan kualiti (gred) dan berat bagi setiap pekebun kecil.

● Apabila lori sudah penuh, buah tersebut akan dihantar terus ke kilang dan akan ditimbang dan digred sekali lagi dan timbangan dan kualiti yang diperolehi di kilang adalah muktamad dan dijadikan asas pembayaran mengikut kadaran berat asal.

● Bayaran kepada pekebun kecil dibuat berdasarkan kepada berat yang dihantar, gred serta ditolak dengan kos pengangkutan ke kilang.

● Bayaran dibuat secara tunai atau online dan dibayar pada hari yang sama atau selwatnya tiga hari.

● Peralatan yang diperlukan untuk sistem ini adalah lori berserta crane, alatan timbang dan net bersaiz 8'x8'.



b. Sistem bin
● Sistem ini sesuai bagi kebun-kebun yang kedudukannya setempat atau berhampiran.

● Bin akan di tempatkan di lokasi yang sesuai untuk pekebun kecil menghantar BTS. Mereka akan dimaklumkan tarikh dan masa pengambilan BTS di lokasi bin.

● Setiap tandan yang dihantar oleh pekebun kecil akan ditimbang di lokasi bin. Koperasi akan merekodkan kualiti (gred) dan berat bagi setiap pekebun kecil.

● Apabila bin sudah penuh, buah tersebut akan dihantar terus ke kilang dan akan ditimbang dan digred sekali lagi dan timbangan dan kualiti yang diperolehi di kilang adalah muktamad dan dijadikan asas pembayaran mengikut kadaran berat asal.

● Bayaran boleh dibuat secara tunai atau online dan dibayar pada hari yang sama atau selwatnya tiga hari.

● Peralatan yang diperlukan untuk sistem ini adalah lori berserta hook & lift, alatan timbang dan bin berkapasiti 4-5 tan.

Pengalaman sistem pemasaran BTS oleh KPSM

Dua model pemasaran BTS yang diterangkan di atas sedang dijalankan oleh KPSM Daerah Tongod, Sabah dan KPSM Saratok, Sarawak. Projek bermula pada bulan Julai 2012. Di Saratok, sistem yang digunakan adalah sistem jaring.

Sepanjang bulan Julai 2012, seramai 20 ahli koperasi dengan anggaran keluasan 100 ha telah menyertai pemasaran BTS melalui sistem jaring. Di sini hanya terdapat satu kilang sawit dan dua pembeli buah. KPSM telah berunding dengan pengurusan kilang dan mendapat tawaran harga untuk bulan Julai 2012. Pada masa yang sama KPSM juga memantau harga yang ditawarkan oleh kedua-dua buah pembeli BTS.

Jadual 2 menunjukkan perbezaan harga jualan BTS yang ditawarkan oleh pihak kilang berbanding dengan pembeli BTS sepanjang bulan Julai 2012.

INFO

PERBEZAAN HARGA ANTARA KILANG DAN PEMBELI BTS PADA BULAN JULAI 2012 (RM/mt)

Tarikh	Purata Harga BTS di Kilang (1)	Purata Harga Pembeli BTS (2)	Perbezaan Harga BTS (3) = (1) - (2)	Purata Tambahan Kos Pengangkutan (4)	Perbezaan Harga Bersih (5) = (3) - (4)
Minggu 1	554	458	96	30	66
Minggu 2	554	457	107	30	77
Minggu 3	554	438	116	30	86
Minggu 4	554	438	116	30	86
	554	545	96 - 116	30	66 - 86

Data dari Jadual 2 menunjukkan harga BTS bersih yang diperolehi pekebun kecil melalui koperasi adalah lebih tinggi berbanding jika mereka menjual kepada pembeli BTS. Sepanjang bulan Julai 2012, perbezaan harga yang diperolehi oleh ahli koperasi adalah antara RM 66-88/ mt. Ini membuktikan kerjasama menjual BTS secara berkelompok yang dianjurkan oleh koperasi telah memberi kesan kepada peningkatan harga. Adalah diperhatikan, perbezaan harga semakin meningkat setiap minggu menunjukkan pembeli BTS tidak berupaya bersaing dengan koperasi.

Jadual 3 menunjukkan lebih pendapatan yang diperolehi oleh pekebun kecil melalui jualan BTS berkelompok melalui koperasi. Sebagai contoh, pekebun kecil yang menjual BTS pada minggu pertama, purata seorang pekebun kecil memperoleh lebih pendapatan sebanyak RM95.00 berdasarkan purata jualan 1.44 mt. Pada minggu keempat purata jualan BTS oleh pekebun adalah 6.39 mt dan tambahan nilai pendapatannya adalah RM550.00.

INFO

PENINGKATAN PENDAPATAN PEKEBUN KECIL

Tarikh	Bil. Pekebun Kecil Menyertai Jualan Kelompok (1)	Jumlah Urusniaga BTS (tan) (2)	Purata Urusniaga BTS / Pekebun kecil (tan) (3) = (2) ÷ (1)	Perbezaan Harga BTS (RM/tan) (4)	Lebih Pendapatan / Pekebun kecil (RM) (5) = (3) x (4)
Minggu 1	3	4.33	1.44	66	95
Minggu 2	3	6.09	2.03	77	156
Minggu 3	6	26.77	4.46	86	384
Minggu 4	17	108.68	6.39	86	550

Kebaikan penubuhan KPSM

Kemudahan Pengangkutan BTS

Koperasi berperanan membantu ahlinya dengan menyediakan kemudahan pengangkutan lori untuk menghantar BTS ke kilang. Kaedah ini dapat dilaksanakan apabila bilangan ahli koperasi adalah ramai dan dapat memberi kebaikan kepada ahlinya melalui:-

i. Caj harga yang berpatutan atau lebih rendah daripada pasaran.

ii. Keuntungan yang diperolehi melalui sistem ini akan dikembalikan semula kepada ahli koperasi secara bayaran dividen tahunan.

Khidmat Nasihat Secara Berkelompok

Melalui koperasi juga, pihak kerajaan menerusi MPOB mudah menjalankan aktiviti untuk membantu pekebun kecil. Perjumpaan dengan ahli koperasi dan bimbingan kepada pekebun kecil dapat dilaksanakan dengan teratur bagi memastikan pengalaman pertanian baik sekali gus meningkatkan produktiviti BTS.

Kemudahan Input Pertanian

Melalui koperasi harga belian input pertanian seperti baja, racun dan peralatan berkaitannya dapat dibeli dengan harga yang rendah secara pukal yang akan me-

nguntungkan ahli-ahli koperasi.

Masalah pemasaran BTS

Namun begitu, beberapa masalah dihadapi pada peringkat awal perancangan dan penubuhan koperasi adalah seperti berikut:

i. Menarik minat pekebun kecil sebagai ahli koperasi

Kebanyakan pekebun kecil bersikap ragu-ragu dan lihat terutama berkaitan faedah yang mereka peroleh dalam masa terdekat. Ini menyebabkan koperasi sukar mendapatkan bilangan ahli yang ramai pada peringkat permulaan.

ii. Modal

Halangan modal merupakan faktor utama menghadkan aktiviti koperasi. Setiap projek memerlukan sumber kewangan untuk dilaksanakan. Modal asas koperasi adalah dari kutipan yuran masuk saham. Sekiranya ahli tidak ramai modal asas koperasi ada sedikit dan ini menyukarkan untuk memulakan projek. Perancangan dan

Kaedah penyelesaian masalah

i. Kempen menarik pekebun kecil menjadi ahli koperasi

Kempen dan ceramah berkaitan penubuhan koperasi perlu dilakukan untuk menjelaskan kebaikan koperasi.

ii. Modal

Mendapatkan sumber dari syer ahli-ahli koperasi, pinjaman bank atau Suruhanjaya Koperasi Malaysia, pendahuluan daripada kilang atau pembelian input pertanian secara kredit antara langkah yang boleh dilakukan.

iii. Khidmat perundingan perjalanan koperasi

Dalam aspek pengurusan koperasi, Maktab Koperasi Malaysia menjalankan kursus sepanjang tahun kepada anggota koperasi untuk meningkatkan pengetahuan dalam mengendalikan koperasi.

iv. Tingkatkan komitmen ahli terhadap koperasi

Koperasi ditubuhkan atas keperluan pekebun kecil. Oleh itu kejayaan koperasi adalah bergantung kepada komitmen ahlinya untuk menayakan sesuatu aktiviti yang diusahakan oleh koperasi. Maka adalah wajar setiap pekebun kecil memainkan peranan mereka bagi memastikan perancangan koperasi dapat dijayakan.

v. Berfikiran positif terhadap persaingan luar

Setiap persaingan luar yang dihadapi oleh koperasi dianggap positif dan dijadikan sebagai satu cabaran yang membina untuk berjaya dalam industri ini.

Kesimpulan

Koperasi adalah satu institusi yang menggabungkan ahlinya untuk bertindak secara keseluruhan bagi mencapai objektif mereka. Kejayaan untuk mencapai matlamat adalah terletak kepada komitmen semua ahli koperasi untuk merealisasikan. Dengan adanya koperasi, maka pekebun kecil mempunyai saluran alternatif untuk menyelesaikan masalah mereka dan membantu mereka meningkatkan taraf hidup kerana dengan adanya koperasi, maka suara mereka akan didengar kerana mereka mewakili sekumpulan orang berbanding jika bersendirian. Melalui kaedah pemasaran BTS model sistem jaring telah terbukti dapat membantu meningkatkan pendapatan pekebun kecil sebanyak 17% apabila mereka berjaya mendapatkan harga BTS yang baik.

Ini berlaku apabila kuantiti pengeluaran BTS pekebun kecil digabungkan, maka mereka mempunyai "bargaining power" untuk menentukan hasil BTS dapat dipasarkan pada harga yang baik serta diberi perhatian yang sewajarnya jika dibandingkan kuantiti secara individu yang kecil.

Kualiti BTS juga dapat ditingkatkan apabila traceability dapat dilakukan dengan mudah dimana penambahbaikan mutu BTS dapat dilakukan dengan segera. Kemudahan pengangkutan oleh koperasi dengan mengenakan caj berpatutan juga dapat mengurangkan kos pengangkutan BTS dan dijangka mendapat pulangan dividen akhir tahun melalui keuntungan aktiviti pengangkutan. Berdasarkan kepada pencapaian aktiviti pemasaran BTS pada bulan Julai, sistem pemasaran BTS oleh koperasi menggunakan sistem ini adalah berdaya saing dan boleh dilaksanakan oleh mana-mana koperasi.

v. Persaingan luar

Kemasukan koperasi dalam perniagaan BTS telah meluaskan persaingan mendapat hasil keluaran BTS pekebun kecil. Pengurusan teratur dan kerjasama antara pekebun-pekebun dan kilang sawit perlu ditingkatkan.

vi. Tanggapan pihak industri terhadap koperasi

Koperasi penanam sawit mampan pekebun kecil merupakan satu institusi baru kepada industri sawit. Oleh itu, amat sukar bagi koperasi berurusan dengan mereka dalam menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan perniagaan.

Minyak sawit paling tinggi didagang

» Pengeluaran, penggunaan minyak sawit atasi minyak sayuran lain di pasaran global


Oleh Balu a/l Nambiappan
balu@mpob.gov.my

Kuala Lumpur

Dalam senario pasaran global, minyak sawit menjadi minyak sayuran dan lemak utama dunia dari segi pengeluaran (55.8 juta tan) dan penggunaannya (57.6 juta tan) berbanding dengan pesaing minyak sayuran yang lain.

Minyak sawit menjadi minyak sayuran dan lemak yang paling tinggi didagangkan berdasarkan dominasinya dalam pasaran import (58 peratus) dan eksport dunia (57 peratus) pada tahun 2013.

Sementara itu, Indonesia terus



mengekalkan kedudukannya sebagai pengeluar (51 peratus) dan pengeksport (49 peratus) terbesar minyak sawit dunia dan India pula sebagai pengimport dan pengguna minyak sawit terbesar dunia.

Rekod jumlah tertinggi

Dari segi pasaran domestik pula, pengeluaran minyak sawit telah merekodkan jumlah yang paling tinggi dalam sejarah sebanyak 19.2 juta tan pada tahun

2013 (peningkatan sebanyak 7.9 peratus) berbanding 17.8 juta tan pada tahun 2008.

Prestasi eksport minyak sawit Malaysia juga amat memberangsangkan dengan mencapai paras 18.12 juta tan pada tahun 2013, dengan minyak sawit mentah dan minyak sawit diproses berjumlah 3.98 juta tan dan 14.15 juta tan masing-masing (22 peratus dan 78 peratus) daripada jumlah keseluruhan eksport minyak sawit.



Republik Rakyat China terus mengekalkan kedudukannya sebagai destinasi eksport utama dengan jumlah eksport sebanyak 3.7 juta tan pada tahun 2013.

Jaminan bekalan

Minyak sawit memainkan peranan utama berdasarkan jaminan bekalan sedia adanya bagi memenuhi peningkatan berterusan dalam permintaan minyak sayuran dan lemak dunia. Kedudukan Malaysia se-

bagai pengeluar dan pengeksport minyak sawit utama dunia akan terus bergantung kepada usaha peningkatan prestasi hasil tanaman yang tinggi melalui penggunaan bahan tanaman yang berkualiti tinggi bersama amalan pertanian yang baik.

Minyak sawit diyakini akan terus berupaya mengekalkan daya saingnya berbanding minyak sayuran dan lemak lain di pasaran global.

MPOB beri taklimat kawalan serangan ulat beluncas

Oleh Hasmiza Desa
hasmiza@mpob.gov.my

Batu Pahat: Unit Kawalan Penyakit dan Perosak Sawit dari Ibu Pejabat Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah turun padang baru-baru ini untuk membantu

pekebun kecil sawit di sini mengatasi masalah serangan ulat beluncas ke atas tanaman mereka.

Pegawai penyelidik dari unit berkenaan telah membuat lawatan dan memberi taklimat mengenai kawalan ulat beluncas dan amalan agronomi yang baik bagi mengatasi serangan ulat itu, kata Haji Jamin

Silan, salah seorang pemilik kebun sawit yang terbabit dengan masalah berkenaan.

Para pekebun telah dinasihatkan untuk menanam *cassia co-banensis* dan *turnera sp* sebagai langkah mengurangkan populasi ulat perosak ini di samping melaksanakan kawalan secara sun-

tikan batang menggunakan racun monocrotophos, tambah beliau.

Lebih 40 hektar kebun kecil sawit di Kampong Tengah Seri Merlong, Mukim Sg Punggor, Rengit, Batu Pahat Johor diserang ulat beluncas dan pokok-pokok sawit yang diserang oleh serangga perosak itu telah mengalami kerosakan daun yang teruk.

Haji Jamin berkata serangan ulat beluncas di kebun miliknya telah menyebabkan banyak pokok sawitnya mengalami kerosakan teruk terutama pada daun yang diserang dan dimakan oleh ulat tersebut.

Serangan itu mula dikesan oleh pekerja yang mendapati daun pokok sawitnya mempunyai kesan dimakan perosak itu dan juga terkena sengatan ulat beluncas semasa menjalankan kerja menuai tandan masak.

Katanya, hampir keseluruhan

kebunnya yang berkeluasan 1.5 hektar mempunyai kesan serangan dan serangan tersebut juga telah mula merebak ke kawasan kebun pemilik lain berhampiran.

“Sejak serangan perosak ini, saya mengalami kerugian pendapatan hasil buah sawit yang berkurangan. Sebelum serangan, saya berupaya mendapat hasil buah sawit antara 3.5 hingga 4 tan sebulan dari kebun tersebut. Tetapi akhir-akhir ini, saya hanya berupaya mendapat kurang dari 3 tan,” katanya.

Hj Jamin berkata beliau telah mendapat bantuan khidmat nasihat daripada pegawai TUNAS, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) di Parit Raja dan pegawai tersebut telah mencadangkan supaya racun perosak tamaron dan furadan digunakan sebagai langkah mengatasi masalah berkenaan.



Pekebun kecil mendengar taklimat daripada pegawai MPOB mengenai cara-cara menangani serangan ulat beluncas.



Ulat beluncas.

MPOB pantau struktur cukai eksport MSM

» Pastikan sektor penapisan minyak sawit tak terjejas, kompetitif

Oleh Ayatollah Ab Rahman
ayat@mpob.gov.my

► BANGI

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) akan memantau perkembangan struktur cukai eksport minyak sawit mentah (MSM) negara pengeluar lain bagi memastikan sektor penapisan minyak sawit Malaysia tidak terjejas dan sentiasa kompetitif.

Sebarang perubahan di dalam struktur cukai eksport MSM akan mengubah skala permintaan-bekalan industri dan satu penyelesaian perlu dirumuskan untuk mengembalikan kestabilan kepada keadaan pasaran.

Sebagai contoh, apabila Indonesia menurunkan kadar cukai eksport MSM dari 19.5 peratus pada Jun 2012 kepada 9 peratus pada November 2012, sektor penapisan minyak sawit di Indonesia memperoleh bekalan MSM pada harga yang lebih rendah berbanding sektor penapisan di Malaysia.

Faktor ini telah menjadikan produk minyak sawit dari Indonesia lebih berdaya saing berbanding produk minyak sawit Malaysia di pasaran dunia.

Sebagai penyelesaian kepada masalah ini, Malaysia mengambil langkah proaktif dengan mengubah struktur cukai eksport MSM yang diperkenalkan sejak 1970-an dengan memperkenalkan struktur cukai eksport MSM yang baru dan berkuatkuasa pada 1 Januari 2013.

Tingkat daya saing

Selain daripada meningkatkan daya saing sektor penapisan minyak sawit Malaysia, pengenalan struktur cukai eksport MSM yang baru ini juga diharap dapat mengurangkan stok minyak sawit dan menstabilkan pergerakan harga MSM di pasaran.

Pada 2012, kadar cukai eksport MSM bulanan di Malaysia adalah antara 19.3 peratus hingga 23.5 peratus, dengan kadar puratanya pada 22.1 peratus. Bermula pada 1 Januari 2013, cukai eksport MSM di Malaysia akan berkadar 0 peratus sekiranya purata harga bulanan MSM di bawah RM2,250 satu tan.

Cukai eksport MSM Malaysia bermula pada kadar 4.5 peratus sekiranya harga MSM berada di antara RM2,250 - RM2,400 satu tan. Kadar cukai eksport MSM ini akan meningkat sebanyak 0.5 peratus bagi setiap peningkatan purata harga MSM RM150 satu tan (Rujuk Jadual).

Berdasarkan kepada pergerakan harga MSM pada 2013, ini bermakna tiada pengeksport MSM yang telah membayar lebih daripada 5 peratus cukai eksport MSM berbanding pada 2012 pada kadar 19.3 peratus - 23.5 peratus.

Selepas 12 bulan (Januari - Disember 2013) struktur cukai eksport MSM yang baru dilaksanakan, didapati prestasi industri sawit Malaysia secara amnya dan kepada sektor penapisan minyak sawit Malaysia secara khasnya

bertambah baik berbanding pada 2012.

Stok minyak sawit berkurangan kepada 1.68 juta tan pada Jun 2013 berbanding 2.63 juta tan pada Disember 2012. Sebaliknya eksport produk sawit Malaysia pada 2013 juga meningkat sebanyak 4.5 peratus kepada 25.66 juta tan berbanding 24.56 juta tan pada 2012.

Aliran meningkat

Harga MSM pada 2013 pula menunjukkan arah aliran peningkatan dan merekodkan pergerakan yang lebih stabil berbanding pada 2012.

Struktur cukai eksport MSM yang baru ini juga telah memberikan kesan yang positif kepada sektor penapisan minyak sawit Malaysia. Sebagai contoh, pada 2013 purata penggunaan kapasiti kilang penapisan minyak sawit telah meningkat sebanyak 56.9 peratus berbanding 51.7 peratus pada 2012 atau peningkatan sebanyak 10 peratus.

Pembelian MSM oleh kilang penapis minyak sawit pada 2013 juga telah meningkat kepada 12.62 juta tan berbanding 11.49 juta tan pada 2012 atau peningkatan sebanyak 9.8 peratus. Jumlah MSM yang diproses oleh kilang penapis juga meningkat kepada 15.89 juta tan berbanding

14.07 juta tan atau peningkatan sebanyak 12.9 peratus.

MPOB juga melaksanakan soal selidik untuk mendapatkan pandangan daripada sektor penapisan minyak sawit terhadap pengenalan struktur cukai MSM yang baru pada tahun 2013. Berdasarkan soal selidik yang dijalankan didapati sebanyak 68.2 peratus daripada 44 kilang penapis bersetuju bahawa struktur cukai ini telah memberi kesan yang positif ke atas prestasi mereka pada 2013 berbanding 2012.

Jamin bekalan MSM

Ini kerana, pada pandangan mereka, eksport produk minyak sawit Malaysia menjadi lebih kompetitif, menjamin bekalan MSM yang mencukupi dan dapat membeli MSM pada harga yang kompetitif di pasaran tempatan. Selain itu, sebanyak 70.5 peratus kilang penapis bersetuju agar struktur cukai MSM yang baru diperkenalkan ini dikekalkan di masa hadapan.

Sebagai kesimpulan, boleh dikatakan pelaksanaan struktur cukai eksport MSM yang baru ini telah membantu meningkatkan prestasi industri sawit Malaysia secara amnya dan sektor penapisan minyak sawit secara khasnya.

INFO

Harga pasaran MSM (RM/T)	Kadar cukai (%)
<RM2,250	0
RM2,250 - RM2,400	4.5
RM2,401 - RM2,550	5.0
RM2,551 - RM2,700	5.5
RM2,701 - RM2,850	6.0
RM2,851 - RM3,000	6.5
RM3,001 - RM3,150	7.0
RM3,151 - RM3,300	7.5
RM3,301 - RM3,450	8.0
>RM3,450	8.5

NOTIS

SKIM INSENTIF BIODIESEL SAWIT (SIBS) 2014

SIBS bertujuan untuk menambahkan penggunaan biodiesel sawit bagi mengurangkan stok minyak sawit dan menyumbang terhadap pengukuhan harga minyak sawit. Penggunaan biodiesel sawit akan menyumbang terhadap pengurangan pelepasan gas rumah hijau terutamanya bagi kilang-kilang yang menggunakan dandang dan jentera berenjin diesel.

Pemohonan SIBS 2014 dikehendaki mempunyai lesen perniagaan yang masih sah laku pada tarikh pemohonan. Skim berdasarkan *first-come first-serve basis* sehingga peruntukan habis dibelanjakan.

*PERMOHONAN DIBUKA SEKARANG

Borang permohonan dan syarat syarat SIBS, layari www.mpob.gov.my

Pertanyaan:



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
Kementerian Perusahaan Perladangan & Komoditi, Malaysia.

Tel: 03-8769 4653 / 4264

Email: biodiesel@mpob.gov.my

SYARAT-SYARAT

PERMOHONAN SKIM INSENTIF BIODIESEL SAWIT

Skim insentif biodiesel sawit berkuatkuasa mulai pada 1 Januari 2014 berdasarkan *first-come first-serve basis* dan tamat pada 31 Julai 2014.

Kadar insentif adalah sebanyak RM300 setan biodiesel sawit.

Bayaran hanya akan dibuat selepas penilaian dan pengesahan oleh MPOB.

MPOB berhak mengadakan pemeriksaan ke premis perniagaan sekiranya perlu.

Kuota biodiesel sawit yang diluluskan akan disemak semula setiap bulan dan MPOB berhak menarik balik kuota yang diluluskan sekiranya tidak digunakan.

Bayaran dibuat mengikut kelulusan kuota dan pembelian/ pembekalan sebenar biodiesel sawit.

Jika terdapat sebarang penipuan dan pelanggaran syarat-syarat yang tertera di atas, pihak MPOB berhak menarik balik kuota yang diluluskan dan kemudahan wang insentif tersebut serta tindakan undang-undang boleh diambil.

TEMPOH:

1 Jan - 31 Julai 2014 * (Tertakluk kepada peruntukan)

Minyak sawit bantu atasi asid lemak trans

» *Warga Eropah wajar didedah kaedah pemakanan sihat*

Pada 5 November 2013 yang lalu, Parlimen Eropah telah menganjurkan satu seminar mengenai asid lemak trans bertujuan membincangkan langkah-langkah yang perlu diambil oleh Kesatuan Eropah dalam menangani kesannya ke atas kesihatan.

Kesedaran tentang risiko asid lemak trans sepatutnya perlu ditangani semenjak awal lagi. Para ahli sains dan pakar teknologi makanan telah lama memberi amaran tentang risiko pengambilan asid lemak trans.

Ini termasuklah kesan negatifnya kepada kesihatan yang mengakibatkan penularan penyakit kardiovaskular, diabetes jenis 2 dan masalah-masalah kesihatan berkaitan dengan peningkatan kolesterol serta obesiti.



Adalah nyata bahawa diet yang mengandungi asid lemak trans yang tinggi telah, dan dalam beberapa kes masih, mengancam kesihatan para penduduk di Eropah.

Mujurlah terdapat alternatif kepada asid lemak trans iaitu minyak sawit yang dilihat mempunyai peranan penting dalam menangani isu ini.

Secara amnya, lemak trans terbentuk apabila para pengeluar makanan mengubah struktur minyak sayur-sayuran terutamanya minyak kacang soya, biji sesawi

dan bunga matahari kepada struktur yang bersifat separa pepejal yang dikenali sebagai lemak.

Ini dilakukan dengan menambatkan atom-atom hidrogen kepada struktur minyak sayur-sayuran ini melalui proses yang dikenali sebagai 'separa penghidrogenan'.

Proses ini membolehkan minyak sayur-sayuran ini digunakan untuk menghasilkan pelbagai barangan makanan pepejal dan separa pepejal seperti kek, pastri dan donut.

Malangnya, proses ini juga menghasilkan hasil sampingan iaitu asid lemak trans yang terkandung di dalam produk-produk makanan yang dihasilkan.

Minyak sawit adalah bebas daripada asid lemak trans kerana sifat semulajadinya yang separa pepejal tidak memerlukan proses 'separa penghidrogenan' untuk menghasilkan pelbagai barangan makanan pepejal.

Tanpa proses 'separa penghidrogenan', minyak sawit kekal asli dan 100% bebas daripada lemak

trans.

Secara amnya, minyak sawit terkandung di dalam peraturan besar produk-produk makanan dan barangan isi rumah di Eropah malah di beberapa negara, minyak sawit terdapat dalam 50% daripada barangan ini.

Sebahagian besar daripada sebab ini adalah untuk mengurangkan pengambilan asid lemak trans disamping mengekalkan kualiti makanan yang tinggi.

Pelbagai jenis makanan seperti kek atau pastri memerlukan lemak dan bahan-bahan lain yang separa pepejal dalam proses pembuatannya.

Banyak syarikat-syarikat pembuat makanan memilih menggunakan minyak sawit berbanding minyak sayuran separa hidrogenasi (lemak trans) dan bilangan mereka yang menggunakan minyak sawit semakin meningkat.

Ini merupakan berita yang baik kepada kesihatan para pengguna dan juga pengurusan kewangan kerana di samping bebas lemak trans, minyak sawit juga lebih murah berbanding kebanyakan minyak sayuran dan lemak lain termasuk mentega.

Para organisasi bukan kerajaan (NGO) yang hebat mengkritik minyak sawit kerana kandungan tinggi asid lemak tepunya memudaratkan kesihatan masih lagi tidak sedar bahawa tanggapan salah mereka ini bakal memudaratkan kesihatan para pengguna.

Sumber utama asid lemak tepu dalam diet penduduk Eropah (lebih 90% daripadanya) berasal dari haiwan iaitu susu, daging, mentega, keju dan lemak.

Disebabkan harga yang mahal serta kandungan kolesterol yang tinggi sehingga mencecah 3,000 bahagian setiap juta (ppm), lemak haiwan seperti lemak yang boleh dimakan (tallow) dan lemak khinzir (lard) tidak sesuai digunakan dalam pembuatan marjerin, lemak (shortenings) dan produk-produk berlemak lain berbanding dengan minyak sawit yang merupakan bahan pilihan untuk aplikasi ini.

Pengurangan pengambilan lemak trans dalam produk-produk makanan pepejal atau separa pepejal - sebahagian besarnya berpunca daripada penggunaan minyak sawit - berupaya menyelamatkan nyawa dan meningkatkan taraf kesihatan para penduduk di seluruh benua Eropah.

Pengambilan lemak trans telah terbukti berbahaya manakala minyak sawit mempunyai kandungan asid lemak tidak tepu dan asid lemak tepu yang seimbang yang merupakan sebahagian daripada ciri-ciri diet harian yang sihat.

Pengambilan minyak sawit di Eropah pada amnya adalah dalam kuantiti yang sangat kecil

dan kajian baru-baru ini telah mengesahkan bahawa minyak sawit dan kandungan asid-asid lemaknya tidak mengancam kesihatan.

Delhaize, Casino, dan syarikat-syarikat Eropah lain yang melancarkan kempen menakutkan para pengguna supaya menolak minyak sawit perlu memberi perhatian: dengan mengecualikan penggunaan minyak sawit dalam produk-produk, mereka akan menanggung risiko kenaikan harga serta pengurangan manfaat kesihatan produk-produk mereka kepada para pelanggan mereka.

Seminar di Parlimen Eropah ini menyimpulkan bahawa pengambilan asid lemak trans merbahaya kepada kesihatan - pakar-pakar dari Universiti Copenhagen dan Jawatankuasa Keselamatan Makanan Eropah (EFSA) yang hadir dalam seminar ini telah mengemukakan bukti-bukti jelas risiko pengambilan lemak trans kepada kesihatan.

Glenis Wilmott, pengerusi seminar ini, berpendapat pengharaman lemak trans di Eropah mungkin merupakan satu langkah terbaik dan realistik - tetapi minyak sawit telah membantu ke arah matlamat itu melalui sifat separa pepejalnya yang semula jadi.

Saya pasti ahli-ahli Parlimen Eropah yang hadir dalam seminar ini dan rakan-rakan mereka yang mendengar penjelasan daripada para penceramah ini tidak lagi ragu-ragu.

Persoalannya ialah bagaimana untuk menyalurkan fakta-fakta ini kepada orang ramai dan pihak-pihak yang berkaitan di seluruh Eropah?

Kempen anti-minyak sawit yang dilakukan oleh pasar raya dan NGO telah menyalurkan banyak maklumat-maklumat yang tidak tepat yang mendorong kepada pemahaman yang cetek tentang minyak sayuran & lemak di sesetengah negara seperti di Perancis.

Pengharaman minyak sawit seperti yang telah dilakukan oleh Casino, satu langkah yang tidak bertanggungjawab dan berbahaya, akan menjerus kepada peningkatan pengambilan lemak trans.

Kini, terpulanglah kepada ahli-ahli politik Eropah untuk mengolah langkah ke hadapan.

Minyak sawit telah terbukti bermanfaat dalam sektor makanan - mungkin kini ahli politik EU boleh memainkan peranan mereka dalam menjamin kesihatan rakyat mereka pula.

(Artikel ini disunting daripada artikel asal Tan Sri Datuk Dr Yusof Basiron, Ketua Eksekutif Majlis Minyak Sawit Malaysia yang bertajuk, Diets high in trans fats pose health risk for European citizens. Sila layari www.ceopalmoil.com untuk mendapatkan salinan asal artikel ini)

HOT EVENT!

REACH & REMIND FRIENDS OF THE
INDUSTRY SEMINAR 2014 & DIALOGUE
CHALLENGES AND OPPORTUNITIES IN 2014

10th February 2014
Pullman Hotel, Kuching, Sarawak

Guest of Honour & Keynote Address by
YB Datuk Amar Douglas Uggan Embas
Ministry of Plantation Industries & Commodities,
Malaysia

Registration is free
Seats are limited and on a first come first serve basis

Please visit our website at
www.mpoc.org.my
for more information



KUIZ SAWIT siri 38

Syarat penyertaan

- Penyertaan dibuka kepada pelajar Sekolah Rendah Tahun 1 - 6.
- Penyertaan hendaklah disertakan dengan borang.
- 10 pemenang yang menjawab dengan betul akan dipilih sebagai pemenang.
- Sekiranya terdapat lebih 10 pemenang, Cabutan Bertuah akan dibuat oleh panel kuiz.
- Keputusan pengadil adalah muktamad.
- Jawapan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada 23 Februari 2014.
- Hantarkan jawapan berserta nama penuh, no. telefon, alamat rumah dan alamat sekolah yang lengkap kepada :

Ketua Pengarang Berita Sawit

Kuiz Sawit (Siri 38)
Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor
(UP: Noor Asmawati Abdul Samad)

Soalan Kuiz Sawit Siri 38

1. MPIC adalah nama penuh bagi Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
 Betul Salah
2. Menteri yang menerajui MPIC pada masa ini ialah
 Tan Sri Bernard Domipok Datuk Amar Douglas Uggah Embas
 Tan Sri Peter Chin Fah Kui
3. Jika singkatan bagi Lembaga Minyak Sawit Malaysia ialah MPOB, nama singkatan bagi Majlis Minyak Sawit Malaysia ialah...
 MPOA MPOC MPIC
4. Peranan utama MPOB adalah:
 Penyelidikan dan pembangunan teknologi sawit
 Penanaman sawit
 Perladangan sawit
5. Maklumat mengenai industri sawit dan MPOB boleh diperolehi melalui laman sesawang?
 www.mpob.com.my www.mpob.gov.my
 www.mpob.org.my
6. Singkatan bagi buah tandan segar dan minyak sawit mentah dalam bahasa Inggeris adalah
 BTS dan MSM FFB dan CPO EFB dan CPO
7. Negara manakah yang menjadi pengimport utama minyak sawit Malaysia?
 China Indonesia Australia
8. B'Seminar dan perdagangan sawit anjuran Majlis Minyak Sawit Malaysia dikenali sebagai...
 POTS POINTERS POINTS
9. MPOB menyediakan kemudahan secara 'online' kepada pihak industri sawit bagi mendaftarkan aktiviti mereka melalui...
 e-Pelelesen e-Registration e-Submission
10. Pekebun kecil sawit berpeluang membuat permohonan dan menyemak status lesen secara 'online' melalui...
 e-Pelelesen e-Pelelesen Pekebun Kecil e-Benih Sawit

Borang Penyertaan Siri 38

Nama : _____
Tahap : _____
Alamat Sekolah : _____

Alamat Rumah : _____

Poskod : _____
No. Tel : _____

Nama pemenang Siri 37

1. Nur Nadia Md Fauzi
Sek. Keb. LKIP Felda Sg. Mas, Kota Tinggi, Johor
2. Siti Nurul Hidayah Rozmi
SRJK (C) Mawai Baru, Kota Tinggi, Johor
3. Muhammad Shazreeman Dzulkifli
Sek. Keb. Gacing, Kuantan, Pahang
4. Miah Naufal Afifi Zulkifli
Sek. Keb. Seri Pantai, Kuala Kedah, Kedah
5. Muhammad Nabawi Nurul Anuar
Sek. Keb. King Edward VII (1), Taiping, Perak
6. Nurul Farah Syafigah Aspimiolla Rizal
Sek. Keb. Batu Balai, Jerantut, Pahang
7. Syaza Ahmad Safri
Sek. Keb. Sg. Kantan, Kajang, Selangor
8. Siti Aishah Sharifuddin
Sek. Keb. Sg. Bogak, Bagan Serai, Perak

Penyelidikan bantu pertingkat prestasi industri sawit

Industri pertanian sawit pada hari ini semakin meningkat dari semasa ke semasa sama ada di negara kita mahupun negara luar. Hal ini kerana pihak kerajaan telah membuat penyelidikan terlebih dahulu sebelum mengusahakannya secara besar-besaran. Cara sebegini perlu dilakukan oleh pihak-pihak yang tertentu. Mereka perlu peka dan teliti semasa melakukan penyelidikan ke atas tanaman ini.

Malaysia dan Indonesia adalah negara yang paling kaya dengan tanaman sawit kerana suhu dan tanah yang sesuai untuk tanaman yang menguntungkan ini. Para pengusaha sawit bekerja memungut buah kelapa sawit dan membawanya ke kilang untuk diproses menjadi minyak sawit. Selepas itu, minyak sawit akan di-eksport ke negara-negara pengguna.

Pada kebiasaannya, tanaman sawit diusahakan di luar bandar. Contohnya di Malaysia, ladang kelapa sawit kebanyakannya terletak di negeri-negeri seperti Sabah, Sarawak, Pahang dan Johor. Hal ini disebabkan negeri berkenaan mempunyai keluasan tanah yang sesuai untuk penanaman sawit. Selain itu, penyelidikan dan pembangunan dalam industri sawit perlu dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan industri ini tidak terjejas dan dominasi akan diambilalih oleh negara pengeluar yang lain.

Harga purata minyak sawit telah menurun pada tahun 2013 daripada tahun yang sebelumnya. Proses menurun ini mengakibatkan jumlah pendapatan turut berkurang. Usaha-usaha utama seperti membuat penyelidikan perlu digiatkan pada tahun-tahun seterusnya. Jikalau usaha-usaha seperti ini digiatkan, negara akan maju dan setanding dengan negara lain yang hebat.

PEMENANG PERTAMA

Nur Asma Husna Elmi

No K/P:
990710-03-6848
SMK Kampong Chengal, 16450

Ketereh, Kota Bharu, Kelantan

NKEA telah membantu para petani menanam semula sawit dengan benih yang bermutu.

Di samping itu, daripada penyelidikan yang telah dibuat menyatakan bahawa minyak sawit kaya dengan vitamin E. Vitamin E adalah amat penting kepada tubuh badan manusia. Vitamin E juga dapat membantu melambatkan penuaan sel tubuh dan memelihara sistem pembiakan manusia. Minyak sawit selamat digunakan berbanding minyak yang lain kerana minyak sawit dapat digunakan pada suhu yang tinggi berbanding minyak sayuran lain. Selain itu, harga minyak sawit juga kompetitif serta memenuhi bajet pengguna.

Selain itu, pihak MPOB juga menganjurkan Seminar Pemindahan Teknologi untuk memperkenalkan dan mengkomersialkan teknologi baru hasil R&D kepada industri pada setiap tahun. Pada masa ini MPOB telah melancarkan pelbagai teknologi baru dan perkhidmatan untuk dikomersialkan dan digunapakai oleh industri. Kini, lebih 500 teknologi dan inovasi baru meliputi sektor hulu, pertengahan dan hiliran industri sawit telah dibangunkan oleh MPOB untuk meningkatkan produktiviti sawit di Malaysia.

Disamping itu, penciptaan jentera

pemungut buah sawit relai telah mempercepatkan proses memungut buah sawit relai. Penciptaan teknologi ini telah berjaya menggantikan kerja memungut buah sawit relai secara manual iaitu secara menggunakan tangan atau pencakar bagi membantu kerja mengutip. Teknologi ini mampu mengurangkan kerosakan kepada buah sawit relai. Ia juga mampu mengasingkan sampah dan buah sawit relai kepada dua lapisan ketika di dalam bekas. Penciptaan teknologi ini mampu meningkatkan produktiviti sawit di Malaysia disamping memudahkan kerja untuk mengutip buah sawit relai.

Kini, minyak sawit bukan sahaja digunakan sebagai bahan bio-bahan api malah sebagai produk untuk penjagaan diri, kosmetik dan produk untuk kegunaan domestik seperti sabun dan pencuci pinggan mangkuk. Ini menunjukkan minyak sawit Malaysia bukan hanya berpaksikan penggunaan sebagai produk untuk bahan makanan malah sebagai produk untuk penjagaan diri dan bahan cucian. Jadi, tidak mustahil seandainya minyak sawit Malaysia mampu digunakan untuk pelbagai tujuan dengan penggunaan teknologi canggih yang mampu meningkatkan produktiviti.

Malaysia perlu menggunakan pelbagai teknologi dalam industri sawit untuk mempertingkatkan produktiviti sawit negara. Permintaan global yang kian meningkat terhadap komoditi seperti produk sawit telah menyebabkan pelbagai teknologi dihasilkan untuk meningkatkan lagi mutu dan produktiviti sawit yang dikeluarkan. MPOB selaku institusi penyelidikan utama berkaitan sawit banyak menghasilkan inovasi, teknologi dan produk baru untuk meyakinkan negara-negara pengimport bagi menjalankan urusan niaga minyak sawit dan produk berasaskan sawit dengan Malaysia.

Kesimpulannya, penyelidikan penting untuk membantu mempertingkatkan industri sawit. Setiap negara mempunyai matlamat tersendiri untuk mencapai sesuatu yang dikehendaki. Sewajarnya, dalam sesebuah negara semua rakyat seharusnya bekerjasama dalam pelbagai aspek bagi memastikan Malaysia mencapai kemajuan.

Peraduan mengarang esei Berita Sawit Februari 2014

Peraduan ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Tajuk: **"Minyak sawit sesuai untuk pembuatan produk makanan dan bukan makanan. Huraikan".**

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5.

Tiga pemenang utama setiap bulan akan menerima;
Hadiah Pertama : RM250
Hadiah Kedua : RM200
Hadiah Ketiga : RM150

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan Mac 2014 akan datang.

Syarat Penyertaan:

1. Terbuka kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga 5
2. Panjang esei di antara 450 - 600 patah perkataan
3. Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah, alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan sertakan sekeping gambar berukuran pasport (sekiranya ada)
4. Keputusan juri adalah muktamad
5. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 23 Februari 2014
6. Hantarkan penyertaan ke alamat:

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit
Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi,
Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor

u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Komunikasi Korporat)
Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Januari 2014

Pemenang:
Hadiah Pertama
Nur Asma Husna Elmi
(No K/P: 990710-03-6848)
SMK Kampong Chengal 16450 Ketereh, Kota Bharu, Kelantan.

Hadiah Kedua dan Ketiga
Tiada pemenang.



Datuk Amar Douglas Uggah Embas melancarkan **Pocketbook on Palm Oil Uses** di dalam bahasa Urdu dan Parsi sempena **POTS Karachi dan Tehran 2014**. Turut kelihatan Pengerusi MPOC Dato' Lee Yeow Chor (kanan), Datuk Dr Choo Yuen may (tiga dari kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif MPOC, Tan Sri Datuk Dr Yusof Basiron (kiri).



Pengerusi MPOB, Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad berucap semasa majlis perasmian **Palm Oil Economic Review and Outlook Seminar 2014**. Turut kelihatan Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Noriah Kason (dua dari kanan), Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Seri Normala Abdul Rahim dan Datuk Dr Choo Yuen May (kanan).



Peserta yang menyertai **POTS Pakistan 2014 di Karachi, Pakistan**.



Datuk Dr Choo Yuen May semasa **Hari Keluarga MPOB 2014** di Putrajaya baru-baru ini.



Delegasi pelawat **Dewan Perniagaan Melayu Kuala Lumpur (DPMKL)** semasa melawat MPOB baru-baru ini.